



SIARAN MEDIA MPS SITA 3 BUAH JENTERA SEKITAR SG PUSU, GOMBAK

Sebanyak 3 buah jentera telah disita dalam satu operasi pemantauan hotspot tapak sampah haram yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 14 November 2020 yang lalu. Jentera-jentera ini disyaki digunakan untuk meratakan kawasan dan kemudiannya dijadikan sebagai tapak pembuangan sampah haram.

Pada operasi di Rumpun Buana Sg Pusu, Gombak, MPS telah menyita sebuah jentera excavator dan sebuah jentolak di tapak pembuangan sampah haram manakala di lokasi kedua iaitu di sebelah Petronas MRR2 menuju Lebuhraya Karak, MPS telah menyita sebuah backhoe yang sedang membuat kerja tanah tanpa kelulusan. Kesemua tindakan diambil atas kesalahan Seksyen 70A(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Operasi yang tamat pada jam 5.00 petang ini disertai seramai 7 orang anggota penguatkuasa MPS, 3 orang kakitangan daripada Jabatan Kejuruteraan, 2 orang kakitangan daripada Jabatan Perancang Bandar, 3 orang kakitangan daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan 10 orang anggota penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

MPS memandang serius isu kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan pentadbiran Selayang dan akan terus melaksanakan pemantauan di semua hotspot. MPS juga turut menyeru semua pihak untuk melupuskan sampah di kawasan yang dibenarkan sahaja.

#TAMAT#

**Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Korporat**

**B.P Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang**

16 November 2020